



BANGGA...Sebahagian daripada pelajar UMS yang berjaya mendaki puncak Gunung Kinabalu.

125 siswa UMS takluk Gunung Kinabalu

Oleh YATIM
TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU: Setelah muncul rekod sebagai perintis, para siswa Universiti Malaysia Sabah (UMS), sekali lagi menjadi perintis kejayaan bagi warga siswa universiti yang kesembilan di negara ini menakluk puncak Gunung Kinabalu.

Pengalaman pertama memang sukar dilupai, apa lagi jika ia sukar dilakukan untuk kedua kali bagi kebanyakan daripada 125 siswa UMS kerana kesibukan kuliah dan kerja lapangan.

Menurut Pengarah Jawatankuasa Program Mendaki Kelab Rekreasi UMS, Omar Abd Aman @ Abdul Rahman, program pendakian itu adalah pertama dilaksanakan oleh kelab membabitkan kebanyakan siswa berasal semenanjung.

"Menyedari pendakian Gunung Kinabalu adalah tumpuan rakyat di negara ini, adalah wajar kelab melaksanakan program itu untuk menambah kebanggaan peribadi mereka sebagai pelajar universiti dan memiliki pelbagai pengalaman yang menarik," katanya.

Omar berkata, walaupun mendaki gunung yang tertinggi di Asia adalah mudah, tetapi banyak cabaran yang perlu ditempuhi dan semua itu akan membentuk pelajar UMS yang tahan lasak di segi mental dan fizikal.

Menurutnya, ia juga sebagai menyegar semangat siswa untuk memulai pengajian tahun dua yang bermula Julai ini.

Beliau berkata, selain mendaki gunung pelajar turut dibawa ke kawasan Air Panas Poring, pekan Ranau dan Kundasang bagi membolehkan siswa mengenal budaya masyarakat tempatan, terutama penduduk di sekitar pekan itu.

"Sebagai kelab yang mementingkan kesegaran dan penjagaan alam sekitar, kami berharap akan melaksanakan program ini sebagai acara tahunan untuk memberi peluang kepada pelajar baru UMS," katanya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH